

NO. SOALAN: 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SO SEANG [TEBRAU]

RUJUKAN : 9170

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan purata kemasukan dan keluaran CIQ Johor Bahru pada hari Sabtu dan Ahad berbanding hari-hari biasa dan adakah Kementerian bercadang membuka semua kaunter imigresen untuk mengurangkan kesesakan yang teruk pada hari-hari Sabtu dan Ahad.

JAWAPAN:

Statistik keluar dan masuk Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru bagi tahun 2015 mengikut hari bekerja dan cuti hujung minggu secara puratanya adalah sejumlah 4,307,595 orang pada cuti hujung minggu dan 4,520,381 orang pada hari bekerja . Peratus perbezaan hari bekerja dan mingguan bagi kaunter masuk adalah 10.41% dan kaunter keluar 4.71%

Bagi mengatasi masalah kesesakan, kesemua kaunter telah dibuka dengan penstrukturan semula perjawatan dan penempatan pegawai yang mana penumpuan adalah dikedua-dua pintu masuk ke Singapura iaitu di Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar.

Pengambilan pegawai Imigresen baru dijangka akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2016 ini yang mana akan dapat memenuhi perjawatan dikedua-dua pintu masuk tersebut.

Sebagai langkah jangka pendek, pembekuan cuti pegawai yang bertugas dikedua-dua pintu masuk telah dilaksanakan bagi membolehkan kaunter pemeriksaan Imigresen dibuka sepenuhnya.